

21 OCT 2003

Felda-Sierra Leone/I

SIERRA LEONE JEMPUT FELDA BANGUN PROJEK PERINTIS

BANDAR BARU JEMPOL, 21 Okt (Bernama) -- Sierra Leone meminta kerajaan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) untuk membangunkan sebuah projek perintis seperti rancangan tanah Felda di negara itu.

Presidennya Dr Ahmed Tejan Kabbah berkata beliau akan meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Malaysia berkongsi pengalaman membangunkan projek seperti yang dikendalikan Felda.

"Kami akan menyediakan kawasan seluas 2,000 ha bagi projek perintis itu," katanya kepada pemberita selepas melawat Felda Raja Alias 2 di sini hari ini.

Presiden itu diiringi Menteri Luarnya, Momodu Koroma dan Menteri Pertanian dan Perhutannya Dr Sama S. Monde dalam lawatan itu manakala Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Khalid Yunus bertindak sebagai menteri pengiring.

Rombongan itu meluangkan masa selama tiga jam melawat kilang, kawasan ladang dan rumah-rumah peneroka.

Ketua Pengarah Felda, Khamis Mohamed Som memberi taklimat perkembangan Felda sebelum para tetamu diraikan dengan jamuan tengah hari di rumah seorang peneroka.

Dr Kabbah berkata Felda boleh menghulurkan bantuan kepakaran kepada Sierra Leone bagi membangunkan industri kelapa sawitnya.

"Kebanyakan rakyat kami berpindah ke bandar-bandar besar semasa perang dan ini menyebabkan bandar begitu sesak," katanya.

"Saya yakin kami boleh menggunakan konsep penempatan peneroka bagi mengatasi masalah itu," katanya.

Presiden itu dan rombongannya kemudian berlepas balik ke Kuala Lumpur dengan helikopter.

-- BERNAMA

APG JK MOZ